

# **BAB PERTAMA**

## **PALESTIN SEBELUM INTIFADAH**

### **1.1 Pengenalan**

Palestin mempunyai pengalaman sejarah yang cukup unik kerana tanahnya pernah berada di bawah kepelbagaian pemerintahan agama iaitu Islam, Kristian dan sehingga ke era pemerintahan Yahudi. Walau bagaimanapun kelangsungan sejarah tersebut menjadikan Palestin sebuah negara rebutan dan mencetuskan konflik terutamanya di antara Yahudi dan Islam kerana masing-masing menyatakan hak berdasarkan fakta sejarah. Kewujudan pertembungan peradaban di antara dua bangsa tersebut menyebabkan konflik Yahudi dan Palestin telah mengakar semenjak dahulu lagi.

Kejayaan penubuhan negara Israel serta penaklukan sepenuhnya tanah Palestin pada tahun 1967 telah menyebabkan permasalahan Yahudi dan Palestin menjadi semakin rumit memandangkan rakyat Palestin telah kehilangan tanah air untuk diduduki serta menjadi terbuang sehingga sekarang. Justeru, untuk melihat bagaimanakah semua ini berlaku, penulisan di dalam bab ini akan mengupas dengan lebih lanjut peristiwa tersebut. Turut juga akan dibincangkan betapa rakyat Palestin menunjukkan reaksi serta aksi penentangan terhadap Yahudi di dalam usaha untuk mempertahankan ketamadunan mereka walaupun ia tidak dapat menggugat kedudukan Yahudi.

## 1.2 Latar Belakang Sejarah Palestin

Palestin yang mendapat nama daripada perkataan Greek, *Philistia* iaitu sebagai merujuk kepada nama kaum yang menduduki utara Gaza pada abad ke-12 S.M, tidak mempunyai sebuah sempadan yang tetap pada mulanya dan ia seringkali berubah bergantung kepada penguasaan sesebuah negara.<sup>1</sup> Manakala sempadan negara Palestin yang berada sekarang pula adalah ketentuan geografi yang telah digariskan di zaman penjajahan Inggeris di Palestin khasnya di sekitar tahun 1920-1923.<sup>2</sup> Walaupun penubuhan sebuah negara Palestin pada zaman moden masih belum terbentuk dan hanya melibatkan tuntutan ke atas Semenanjung Gaza dan Tebing Barat, ternyata Palestin pada suatu masa dahulu mempunyai kedudukan geografi yang lebih luas memandangkan wilayah Palestin pernah meliputi Israel, Tebing Barat, Gaza, sebahagian wilayah Mesir, Jordan dan Syria.<sup>3</sup>

Sungguhpun begitu, kedudukan serta lokasi Palestin samada pada masa dahulu maupun pada masa sekarang adalah begitu strategik dengan terletak di persimpangan Afrika, Asia serta Eropah. Lantaran itulah Palestin pada masa dahulu telah menjadi medan perjuangan di antara kuasa-kuasa besar untuk menguasainya.<sup>4</sup> Hasilnya pelbagai kerajaan seperti Assyiria, Babylon, Parsi, Rom serta pemerintahan Islam pernah menduduki Palestin. Malah fenomena ini juga diteruskan oleh British yang berjaya meletakkan Palestin di bawah mandatnya memandangkan laluannya adalah terletak di tengah-tengah jalan perdagangan British. Sebaliknya bagi bangsa Yahudi keinginan untuk menguasai Palestin adalah lebih kepada tuntutan sejarah.

### 1.2.1 Bumi Para Anbiya'

Keistimewaan Palestin yang menempatkan peninggalan kesan sejarah tiga agama terbesar iaitu Islam, Yahudi dan Kristian membuktikan era kepimpinan Palestin pernah diterajui oleh para nabi dan rasul kerana ketiga-tiga agama monoteisme ini mempunyai kaitan rapat di antara satu sama lain kerana ia bersumberkan ajaran nabi Ibrahim. Secara tidak langsung ia turut menjadi simbol peradaban bagi umat Islam kerana keberkatan buminya yang menempatkan para Anbiya'.

Berbanding dengan penganut Kristian yang menaruh minat terhadap Palestin kerana kaitannya dengan Jesus dan walaupun kepercayaan serta upacara keagamaan Kristian adalah berasaskan agama Yahudi<sup>5</sup> tetapi ternyata Yahudi lebih keras di dalam tuntutannya terhadap Palestin. Ini kerana mereka mempercayai tanah Palestin adalah warisan daripada nabi-nabi mereka. Hakikatnya memang kebanyakan nabi dan rasul yang dilantik oleh Allah adalah daripada kalangan Bani Israel yang ketika itu tinggal di Palestin. Nabi Ibrahim, Nabi Ishak, Nabi Yaakub (yang melahirkan keturunan Bani Israel), Nabi Yushak, Nabi Daud (yang mendirikan kerajaan Israel), Nabi Sulaiman, Nabi Salleh, Nabi Zakaria serta Nabi Yahya adalah di antara nabi-nabi kalangan Bani Israel yang pernah menetap di Palestin. Walau bagaimanapun pemilikan Yahudi terhadap Palestin telahpun hilang apabila kerajaan mereka ditawan oleh pemerintah Babylon serta mereka dihalau keluar dari bumi Palestin sebagai akibat daripada kejahatan yang dilakukan oleh mereka.<sup>6</sup>

Sungguhpun cerita ini begitu sinonim dengan masyarakat Yahudi namun ia telah menjelaskan bahawa Palestin sebenarnya adalah milik umat Islam. Ini kerana para nabi dan rasul tersebut membawa ajaran Islam sekaligus menunjukkan Palestin adalah milik umat Islam kerana ia berada di bawah pemerintahan Islam dalam tempoh yang lama sedangkan Yahudi hanya berhak mewarisi Palestin sekiranya mereka tidak melakukan kemungkaran terhadap Allah. Namun begitu, hal yang sebaliknya berlaku sehingga menyebabkan mereka telahpun terusir keluar.

Sejarah kesucian serta keberkatan bumi Palestin akan dipertahankan bukan sahaja oleh rakyat Palestin malah umat Islam seluruhnya. Ini kerana selain melambangkan keagungan peradaban Islam dengan menjadi tempat para anbiya', persinggahan Nabi Muhammad di dalam Israk dan Mikraj serta tempat ketiga suci di dalam Islam selepas Mekah dan Madinah, ia juga menjadi pusat perkembangan Tamadun Islam dengan dengan adanya tokoh-tokoh besar seperti Imam Syafie, Ibrahim bin Adham dan sebagainya yang pernah tinggal di Palestin.<sup>7</sup>

### **1.2.2 Di bawah Pemerintahan Turki Uthmaniah**

Kejayaan pemerintahan Uthmaniah mempertahankan penguasaan terhadap Palestin selama 400 tahun bermula dari tahun 1517 sehingga tahun 1917 membuktikan pemerintahan Islam ketika itu mendominasi penguasaan yang berteraskan penyatuhan kuasa berdasarkan sistem khalifah. Ia sekaligus menunjukkan pemerintahan Islam adalah paling lama memerintah Palestin kerana sebelumnya Palestin turut diperintah oleh dinasti Arab yang beragama Islam.

Malah di era pemerintahan Uthmaniah hubungan di antara negara Islam dengan Yahudi serta Barat telah dijalankan dan ia berada di dalam suasana harmoni pada peringkat permulaannya. Justeru, pemerintahan Uthmaniah secara tidak langsung telah memberikan ruang keterlibatan pengaruh Yahudi dan Barat di dalam politik Palestin bahkan mereka juga turut mendapat kedudukan dan pengaruh yang baik. Penghidupan Yahudi misalnya menjadi lebih baik di Palestin berbanding dengan keadaan Yahudi pada abad pertengahan dan awal Eropah moden.<sup>8</sup>

Meskipun kemasukan Yahudi telah memberikan sumbangan di dalam bidang ekonomi dan atas sebab inilah mengapa sikap toleransi sultan dijalankan dengan tidak menentang kemasukan tersebut namun ia kemudiannya telah membawa kepada permasalahan yang lebih besar apabila kedatangan mereka ke Palestin telah bertukar menjadi motif keagamaan pada abad ke-19. Kesannya peningkatan jumlah Yahudi begitu mendadak sehingga mereka akhirnya menjadi majoriti di Baitulmaqdis pada tahun 1890.<sup>9</sup> Pengekalan motif ini telah membawa perubahan negatif kepada hubungan di antara Yahudi dan Palestin selain menjadi saingan kepada kuasa Eropah yang turut datang ke Palestin semenjak abad ke-16. Tetapi pengaruh Eropah hanya menjadi lebih dominan pada abad ke-18 apabila kuasa perdagangan berada di tangan mereka berbanding Yahudi.<sup>10</sup>

Walaupun kemasukan pengaruh Eropah beserta dengan termeterainya persetiaan di antara Eropah dan Empayar Uthmaniah telah memberi faedah timbal balik iaitu dengan kuasa Eropah dapat memonopoli aktiviti perdagangan manakala Empayar Uthmaniah pula dapat mengatasi ancaman atau pemberontakan di dalam negeri berdasarkan pengaruh Eropah<sup>11</sup> namun ternyata lebih banyak kesan negatif

berpihak kepada Empayar Uthmaniah. Kehilangan tanah rakyat Arab kepada Eropah atau Yahudi disebabkan permintaan yang begitu tinggi merupakan kesan kekal yang terpaksa dihadapi oleh rakyat Palestin. Ini disebabkan ramai rakyat Arab menjualkan tanah mereka akibat tertarik dengan kekayaan. Malah ramai pula yang menjadi orang tengah untuk menjual tanah milik rakyat Arab untuk mengaut keuntungan. Keadaan menjadi semakin buruk apabila pemerintahan Uthmaniah tidak bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan pemilikan tanah Palestin.<sup>12</sup>

Kegagalan serta kelemahan pemerintahan Turki Uthmaniah untuk mempertahankan hak milik rakyat Palestin telah membawa kepada bermulanya kehancuran peradaban Palestin dan Empayar Uthmaniah amnya. Ini kerana pengaruh Eropah terutamanya Britain yang telah banyak membantu Empayar Uthmaniah dalam menghadapi serangan pemberontakan di samping mendapat keistimewaan persamaan hak seperti rakyat Empayar Uthmaniyah telah menjadi begitu kukuh kedudukannya sehingga dapat menakluk Palestin pada tahun 1917 melalui kemenangan di dalam Perang Dunia Pertama.

### **1.2.3 Penjajahan British dan Kemasukan Yahudi**

Penjajahan British ke atas Palestin adalah petanda awal kejatuhan peradaban Palestin. Hal ini kerana meskipun kemasukan Yahudi telahpun berlaku semenjak tahun 1881-1882 iaitu ketika Palestin di bawah pemerintahan Turki Uthmaniah lagi tetapi penjajahan British ke atas Palestin semakin menggalakkan kemasukan Yahudi dan meningkatkan jumlah bilangannya. Ini kerana Britain telah mengadakan satu pakatan dengan Zionis demi faedah bersama melalui Deklarasi Balfour.

Justeru, tahun 1917 telah membawa perubahan kepada sejarah Palestin kerana bukan sahaja peralihan kuasa yang menjajah Palestin telah bertukar iaitu daripada kerajaan Turki Uthmaniah beralih kepada kerajaan British pada 9 Disember 1917, tetapi Deklarasi Balfour turut diumumkan oleh kerajaan Britain pada bulan November 1917 yang merupakan punca utama tercetusnya konflik Palestin - Israel.<sup>13</sup> Ini kerana melalui Deklarasi Balfour kemasukan Yahudi adalah dilindungi dan digalakkan memandangkan Deklarasi Balfour menyatakan sokongan Britain terhadap pembentukan sebuah tempat tinggal kebangsaan bagi orang Yahudi di Palestin.<sup>14</sup>

Hubungan serta kerjasama awal di antara Yahudi dan Britain membuktikan kuasa Barat akan sentiasa bersama Yahudi di dalam menentang rakyat Palestin. Malah semenjak daripada awal lagi membuktikan bahawa pakatan yang dibuat adalah untuk mendapat faedah timbal balik. Zionis misalnya bekerjasama untuk mendapatkan sokongan Britain ke atas penghijrahan Yahudi ke Palestin. Manakala Britain pula di dalam usaha untuk memenangi Perang Dunia Pertama telah mempergunakan sokongan terhadap Yahudi bagi meyakinkan Amerika Syarikat untuk memberi bantuan ketenteraan serta memihak kepada mereka di dalam peperangan memandangkan ketinggian pengaruh Yahudi di negara tersebut.<sup>15</sup>

Sikap dalam dua muka kuasa Barat terhadap krasis Palestin dan Israel telah dapat dilihat semenjak kemenangan Britain dan sekutunya di dalam Perang Dunia Pertama. Ini kerana Britain tidak mengotakan janji dengan negara Arab untuk memberikan kemerdekaan negara mereka yang dibuat sebagai balasan sekiranya bangun menentang pemerintahan Uthmaniah. Sebaliknya Britain mengutamakan janji

dengan Yahudi di dalam Deklarasi Balfour sedangkan rundingan perjanjian kemerdekaan buat negara Arab telah dibuat oleh pihak British melalui Sir Henry McMahon dengan Syarif Hussain .<sup>16</sup>

Pembahagian negara Arab kepada Inggeris dan Perancis seperti yang terkandung di dalam Perjanjian Sykes-Picot yang ditandatangani pada tahun 1916 telah meletakkan Palestin di bawah Mandat yang membolehkan Britain menggunakan kuasanya untuk menjadikan Palestin sebagai hak milik Yahudi secara terancang. Sedangkan negara-negara Arab yang lain seperti Syria, Iraq , Lebanon, Jordan diberi kemerdekaan.<sup>17</sup>

Biarpun rancangan penukaran negara Palestin kepada Yahudi tidak disebut dengan jelas di dalam Deklarasi Balfour namun kedua-dua kuasa tersebut memaklumi hal itu sebagai maksud yang tersirat. Pemerintahan Britain membuktikan mereka telah bertanggung jawab dengan membina sejarah baru bagi Palestin apabila membenarkan kemasukan beramai-ramai Yahudi terutamanya dari Eropah Timur<sup>18</sup> kerana berlakunya krisis anti Yahudi di Jerman di samping menawarkan persamaan hak seperti rakyat Palestin kepada pendatang Yahudi. Sokongan yang didapati daripada Britain dengan jumlah peningkatan Yahudi merupakan sebab kukuh bagi tuntutan Yahudi ke atas pembentukan sebuah negara Israel di Palestin.

Ternyata kejayaan Yahudi menjana kekuatan dan perpaduan mereka yang bermula dengan kemasukan pendatang Yahudi di Palestin telah menyebabkan sejarah Palestin sebagai sebuah negara telah lenyap. Sungguhpun rakyat Palestin menunjukkan penentangan terhadap Yahudi sehingga Britain bertindak

menyerahkan isu Palestin dan Yahudi kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu setelah kegalannya untuk mencari jalan penyelesaian namun pengaruh Yahudi samada dari sudut politik atau ekonomi serta kekuatan ketenteraan yang dimiliki telah menyebabkan negara Israel tertegak di Palestin.

### **1.3 Pertembungan Peradaban Palestin dan Yahudi**

Kemasukan Yahudi yang mendukung fahaman Zionis telah memberi kesan terhadap struktur serta tradisi kehidupan rakyat Palestin. Keadaan ini telah mewujudkan satu bentuk pertembungan di antara Yahudi dan Palestin memandangkan Yahudi dan Palestin mempunyai budaya, sikap, serta agama yang berbeza. Dengan itu, persaingan untuk menguasai peradaban lain jelas apabila sehingga sekarang konflik di antara keduanya masih belum dapat diselesaikan.

#### **1.3.1 Wilayah**

Hubungan Yahudi dengan tanah Palestin memang telah berlaku dan ia dikaitkan dengan pengalaman sejarah tertegaknya kerajaan Yahudi di negara Palestin pada satu masa dahulu. Sungguhpun pemerintahan Islam yang berlangsung di Palestin selama 12 kurun dan merupakan period yang paling panjang pemerintahannya berbanding Yahudi atau kuasa lainnya<sup>19</sup> namun pemikiran dan pendirian Yahudi yang tetap mengatakan tanah Palestin adalah milik mereka telah menyebabkan wujudnya tuntutan yang sama ke atas negara Palestin.

Biarpun bukti menunjukkan rakyat Palestin adalah lebih berhak tetapi ternyata Yahudi yang berjaya di dalam perebutan tanah tersebut dengan tertegaknya kerajaan Israel pada tahun 1948 melalui pertolongan kuasa British. Situasi ini menyebabkan rakyat Palestin telah kehilangan identiti mereka apabila terpaksa keluar daripada tanahair mereka serta menjadi pelarian akibat tindakan Yahudi yang melakukan pengusiran dan pemusnahan tempat tinggal demi untuk menjadikan negara Palestin sebagai tempat tinggal Yahudi sepenuhnya seperti kata-kata Chaim Weizman iaitu Presiden bagi Pertubuhan Zionis bahawa Palestin akan dibina sebagai tempat bagi Yahudi sebagaimana England menjadi kepunyaan orang Inggeris.<sup>20</sup>

Diaspora rakyat Palestin menyedarkan mereka peri pentingnya untuk mempunyai sebuah negara. Oleh itu, mereka cuba mendapatkan kembali tanahair mereka dengan melakukan pelbagai usaha dan bentuk pendekatan samada melalui keganasan atau perdamaian. Walau bagaimanapun Yahudi yang turut mempunyai pengalaman hidup di dalam diaspora sudah pastinya tidak membenarkan tanah yang diduduki mereka dirampas oleh rakyat Palestin. Ini kerana tanah Palestin selain mempunyai hubungan sejarah dengan mereka, ia juga telah menjadi tanah perhimpunan dan penyatuan bagi komuniti Yahudi di seluruh dunia apabila masalah pembunuhan beramai-ramai terhadap Yahudi di Eropah Timur serta diasimilasi di Eropah Barat telah dapat diselesaikan.<sup>21</sup>

Begitu juga dengan kesukaran serta kepayahan yang dialami oleh Yahudi ketika *aliyah*<sup>22</sup> atau kemasukan mereka ke Palestin terutamanya *aliyah* pertama yang menimbulkan tentangan hebat daripada rakyat Palestin merupakan sebab penting bagi Yahudi untuk mempertahankan tanah tersebut setelah ia menjadi milik

mereka pada tahun 1948. Namun bagi rakyat Palestin mereka akan tetap menegakkan negara Palestin kerana ia sememangnya adalah kepunyaan mereka.

Pertembungan tuntutan ke atas tanah Palestin yang berdasarkan sejarah lampau kedua-dua bangsa sebenarnya boleh diselesaikan sekiranya Yahudi sanggup mengembalikan tanah Palestin yang dirampas pada tahun 1967 memandangkan rakyat Palestin sanggup beralih dan hanya meminta Semenanjung Gaza dan Tebing Barat sebagai negara mereka.<sup>23</sup> Walau bagaimanapun pengekalan tentera Yahudi di kawasan tersebut membuktikan Yahudi tidak akan tunduk kepada kemahuan rakyat Palestin berdasarkan pemahaman mereka yang tanah Palestin adalah milik mereka melalui kisah sejarah.

Sebenarnya tuntutan ke atas tanah Palestin berdasarkan sejarah tidak boleh diterima kerana sekiranya ia diambil kira sudah tentulah kerajaan lain yang pernah menguasai Palestin seperti Assyiria, Babylon, Parsi , Mesir, serta lainnya turut mendapat hak tersebut.

### **1. 3.2 Agama**

Palestin bagi masyarakat Yahudi dan Islam sangat bererti di dalam tradisi keagamaan. Hubungan spiritual yang berlaku ini telah mewujudkan satu bentuk pertembungan yang akhirnya menyebabkan konflik yang tercetus di antara kedua-dua bangsa tersebut turut membabitkan sentimen keagamaan.

Konflik keagamaan di antara Yahudi dan Islam sepatutnya tidak perlu berlaku memandangkan Yahudi dan rakyat Palestin yang beragama Islam pernah tinggal bersama secara aman dan harmoni di samping pengikut Kristian ketika pemerintahan Islam<sup>24</sup> tetapi Yahudi dengan fahaman Zionis telah memulakan konflik tersebut apabila menuntut tanah Palestin sebagai tanah yang dijanjikan tuhan buat mereka melalui perjanjian Tuhan Yahweh dengan Nabi Ibrahim yang kemudiannya hak tersebut diwarisi kepada keturunannya.<sup>25</sup>

Persamaan agama samawi di antara Yahudi dan Islam yang mengesakan tuhan tidak bermakna rakyat Islam Palestin menerima kenyataan tersebut. Ini kerana bagi mereka Yahudi telah hilang hak yang sedemikian berdasarkan perbuatan mereka yang telah melanggar syariat Allah. Walau bagaimanapun fahaman keagamaan Yahudi telah mendorong mereka untuk mempertahankan Palestin sebagai kerajaan Israel dan tidak akan menyerahkannya kepada rakyat Palestin berdasarkan amanah daripada tuhan mereka yang telah memilih mereka sebagai bangsa pilihan Tuhan untuk menguasai seluruh alam ini bagi mewujudkan Kerajaan Tuhan.<sup>26</sup>

Ternyata krisis keagamaan ini turut mempengaruhi suasana politik Yahudi dan Palestin serta ia begitu sukar untuk dielakkan. Isu Baitulmaqdis misalnya menjadi bukti bahwa hubungan politik Yahudi dan Palestin sering tidak sehaluan di dalam mencapai kata sepakat bagi menyelesaikan masalah tersebut. Situasi ini disebabkan Baitulmaqdis merupakan simbol serta lambang kesucian dan kedaulatan bagi kedua-dua agama yang menyebabkan kedua-dua belah pihak ingin menguasai tempat tersebut. Pertembungan tempat suci kedua-dua agama ini menyebabkan

terjadinya perebutan demi untuk mengembalikan maruah serta kehormatan agama masing-masing.

Bagi Yahudi agama mereka belum sempurna sehingga mereka membebaskan Baitulmaqdis daripada Islam serta menjadikannya ibu negara Israel selain membina semula kuil Sulaiman.<sup>27</sup> Ini bermakna Yahudi ingin mewujudkan semula sejarah kerajaan mereka terdahulu yang menjadikan Baitulmaqdis sebagai ibu negeri.<sup>28</sup> Manakala rakyat Islam Palestin pula akan mempertahankan Baitulmaqdis dan sebarang cubaan untuk meruntuhkan Masjid al-Aqsa serta mendirikan semula kuil Sulaiman pastilah mendapat tentangan. Ini kerana Baitulmaqdis telah terikat dihati mereka memandangkan kesuciannya di dalam Islam.<sup>29</sup>

## 1.4 Kemerosotan dan Kemuksuhan Peradaban Palestin

### 1.4.1 Pembentukan Negara Israel

Kewujudan negara Israel sememangnya sudah lama dinantikan oleh bangsa Yahudi. Malah cita-cita penubuhan negara Yahudi ini menjadi matlamat utama pergerakan Zionis yang melihat kewujudannya akan dapat mengatasi ‘masalah Yahudi’ seperti yang dijelaskan oleh pengasasnya Theoder Herzl di dalam bukunya *Der Judenstaat* atau *The Jewish State*.<sup>30</sup>

Sebenarnya kejayaan penubuhan negara Israel pada 14 Mei 1948 adalah merupakan permulaan bagi kegagalan bangsa Arab di dalam mempertahankan ketamadunan mereka yang wujud semenjak beribu tahun yang lalu. Pembentukan negara Israel ini pula adalah lebih luas dari apa yang dicadangkan di dalam rancangan

pembahagian oleh Mandat British pada tahun 1947 yang telah ditolak oleh rakyat Palestin.<sup>31</sup>

Kesan ketara hilangnya nilai peradaban Palestin akibat pembentukan dan pendudukan Israel ialah apabila rakyat Palestin mengalami kecelaruan identiti di mana rakyat Palestin yang terbahagi kepada tiga kumpulan semasa pemerintahan Yahudi iaitu di dalam diaspora, di bawah penguasaan Israel, serta yang berada di negara Israel masih tidak mempunyai satu identiti yang sama memandangkan setiap kumpulan telah terpisah dan membina budaya identiti sendiri samada dari sudut ekonomi, politik atau sosial sebagai kesan daripada kuasa penakluk. Hal ini telah terjadi begitu lama iaitu semenjak Tebing Barat dan Semenanjung Gaza masih dibawah penaklukan Jordan dan Mesir.<sup>32</sup>

Walau bagaimanapun apabila kedua-duanya telah berada di bawah penguasaan Israel, penyatuan identiti masih tidak dapat dilakukan di antara rakyat Palestin yang berada di negara Israel atau yang lebih dikenali sebagai Arab Israel dengan mereka yang tinggal di bawah kuasa pendudukan memandangkan polisi Israel menghalang penyatuan tersebut. Polisi yang didasarkan kepada menjaga keselamatan masa depan Israel selain menganggap rakyat Palestin hanya permastautin di Israel telah menyebabkan rakyat Palestin tidak dapat membentuk sebuah identiti kebangsaan.<sup>33</sup> Keadaan ini telah membawa kepada berlakunya suasana tegang bukan sahaja yang melibatkan sesama rakyat Palestin bahkan juga membabitkan pelarian kerana mereka sering menyalahkan sesama sendiri akibat kekalahan di dalam peperangan, kegagalan politik, kekacauan sosial, serta kejatuhan ekonomi.<sup>34</sup>

Selain sukar untuk membentuk perpaduan akibat ketiadaan penyatuan identiti serta saling terpisah ternyata ia turut membawa krisis ideologi dimana kepelbagaiannya parti yang mewakili rakyat Palestin sering berkonflik di dalam menentukan masa depan rakyat Palestin terutamanya di antara golongan sekular nasionalis dan fundamental Islam. Perkara mengenai hubungan di antara rakyat Palestin dan Yahudi sering menjadi pertikaian disebabkan tidak sependapat di dalam menentukan samada perlu mengiktiraf kewujudan politik pihak Yahudi atau sebaliknya terutama selepas tahun 1967. Malah ketika tahun 1970-an dan 1980-an konflik yang tercetus telah membawa kepada berlakunya peperangan secara terbuka terutamanya di kolej-kolej dan melibatkan penggunaan senjata buatan sendiri seperti rantai, besi, bom buatan sendiri dan sebagainya.<sup>35</sup>

Tegasnya timbul konflik ideologi ini kerana rakyat Palestin terlibat dengan pelbagai parti politik yang muncul serta tidak adanya satu penyatuan politik di antara mereka. Malah sebahagian besar rakyat Palestin masih berpegang dengan ideologi tradisi seperti parti Ba'ath, komunis, aliran parti Islam dan sebagainya yang pernah menjanjikan revolusi Arab setelah kekalahan di dalam peperangan pada tahun 1948.<sup>36</sup> Sungguhpun kesemuanya bermatlamat untuk membebaskan Palestin, namun usaha gigih mereka tidak akan berjaya sekiranya rakyat Palestin tidak dapat membentuk sebuah identiti mereka sendiri. Pergeseran dan permusuhan sesama Arab pula semakin memburukkan keadaan. Walau bagaimanapun kewujudan identiti rakyat Palestin serta pengukuhanya melalui pertubuhan PLO telah menaikkan semula semangat rakyat Palestin untuk berjuang menentang Yahudi.

#### **1.4.2 Sekatan Kebebasan**

Israel mengenakan pelbagai sekatan dan halangan kepada rakyat Palestin bagi menunjukkan bahawa mereka adalah tuan yang memiliki kekuasaan kepada rakyat Palestin. Halangan tersebut menjadikan rakyat Palestin telah hilang kebebasan serta menghilangkan hak kemanusiaan yang sepatutnya dimiliki oleh mereka walaupun berada di bawah kuasa penjajah.

Biarpun Israel pernah menjanjikan bahawa penubuhan negara Israel akan memberikan persamaan hak terhadap semua warganegara tanpa perbezaan pegangan agama, bangsa atau jantina namun itu hanyalah pada teorinya sahaja.<sup>37</sup> Sedangkan melalui undang-undang yang digubal membuktikan Israel tidak mengotakan janjinya. Diskriminasi terhadap rakyat Palestin dapat dilihat melalui undang-undang mengenai pemulangan 1956 yang menyatakan Yahudi mempunyai hak secara automatik untuk pulang ke negara Israel tetapi ini berbeza dengan rakyat Palestin yang tidak mendapat hak tersebut. Begitu juga undang-undang tentang kewarganaegaraan yang mana setiap pendatang Yahudi secara automatik adalah warganegara tetapi tidak pula untuk rakyat Palestin yang masih tidak diberi taraf kewarganegaraan walaupun telah berada di situ semenjak penubuhan negara Israel. Perisyiharan penubuhan negara Israel bagi bangsa Yahudi sebenarnya telah menyebabkan mustahil bagi rakyat Palestin untuk mendapat persamaan.<sup>38</sup>

Menjadi tidak bernegara dan tidak berumah ditambah dengan pelbagai bentuk sekatan dan ketidakadilan menunjukkan penghidupan rakyat Palestin berada di dalam penderitaan dalam segenap bidang. Pengawalan sepenuhnya Israel di dalam

kehidupan Palestin serta penafian hak-hak mereka menunjukkan rakyat Israel mengamalkan dasar apartheid terhadap rakyat Palestin. Malah rakyat Arab Israel yang menjadi warganegara Israel tidak mendapat hak mereka dengan didiskriminasi di dalam pelbagai bidang serta dilayan sebagai warganegara kelas kedua. Keadaan ini telah membawa kepada musnah serta hilang budaya dan identiti mereka.<sup>39</sup>

Tindakan Israel yang mengenakan pelbagai sekatan adalah merupakan satu strategi Israel untuk menjayakan matlamat Zionis dan mereka akan berjuang untuk memastikan *survival* mereka.<sup>40</sup> Sungguhpun rakyat Palestin sering diburu ketakutan dengan sikap keganasan dan kekejaman tentera Israel, tetapi tekanan dan penderitaan itulah yang telah mengembalikan semangat mereka secara tidak langsung untuk melancarkan penentangan bentuk baru terhadap Israel melalui Intifadah.

#### **1.4.3 Diaspora Rakyat Palestin**

Tertegaknya negara Israel di bumi Palestin bukan setakat menjadikan rakyat Palestin kehilangan tanah air mereka tetapi turut menjadikan rakyat Palestin sebagai pelarian samada di tanah air mereka atau di negara Arab yang lain. Keadaan ini disebabkan usaha berterusan Israel yang melakukan penyingkiran terhadap rakyat Palestin di dalam menuju serta meneguhkan negara Isarel samada yang dilakukan sebelum atau selepas perperangan pada tahun 1948. Diaspora rakyat Palestin memberikan satu kejayaan besar buat rakyat Israel kerana berupaya untuk menyingkirkan rakyat Palestin tetapi ia merupakan kemusnahan terhadap peradaban Palestin kerana sehingga kini mereka masih belum berjaya untuk pulang ke tanah air mereka.

Sebenarnya Israel menafikan diaspora rakyat Palestin disebabkan tindakan mereka<sup>41</sup> dan sebaliknya menuduh rakyat Palestin sendiri yang berhijrah kerana disebabkan perperangan dan menurut arahan kepimpinan Arab yang lain.<sup>42</sup> Tetapi perkara ini boleh dipertikaikan. Sememangnya Israel yang bertanggungjawab di atas diaspora tersebut kerana Israel melihat adanya majoriti daripada rakyat Palestin merupakan halangan utama bagi mereka untuk membawa lebih ramai pendatang Yahudi. Sekiranya tanah yang diduduki oleh rakyat Palestin dikosongkan sudah tentulah mereka dapat membawa lebih ramai pendatang Yahudi. Malah mereka juga takut dengan kelebihan bilangan penduduk bukan Yahudi akan mengancam kestabilan negara baru mereka dari sudut sosial dan ketenteraan.<sup>43</sup>

Keadaan ini menunjukkan Diaspora rakyat Palestin sudah dirancang oleh Israel dan bagi merealisasikan hal ini, Israel telah melakukan pembersihan etnik bagi memaksa dan menghalau rakyat Palestin keluar dari tanah air mereka. Malah usaha pembersihan etnik atau perpindahan menurut bahasa kiasan yang sering digunakan oleh Yahudi telahpun dibuat semenjak tahun 1937 lagi.<sup>44</sup> Oleh itu banyak tindakan dan aktiviti Israel telah dilakukan bagi menjayakan matlamat ini. Melakukan kemusnahan terhadap penduduk Palestin di kampung-kampung, membuat ancaman ugutan, melakukan pelbagai keganasan dan kekejaman adalah salah satu bentuk pembersihan etnik yang dijalankan oleh Israel. Keadaan yang dilakukan oleh Israel ini adalah sama sebagaimana pembersihan etnik yang dilakukan oleh penduduk Kosovo terhadap masyarakat Islam di Bosnia. Deir Yassien merupakan satu bukti pembersihan etnik dilakukan oleh masyarakat Yahudi. Tindakan ini dibuat bagi menakutkan rakyat Palestin serta memindahkan mereka secara halus.

Penawanian Israel terhadap negara Palestin dan kekalahan tentera Arab di dalam perperangan pada tahun 1948 telah memberikan kelebihan kepada Israel untuk melakukan penyingkiran terhadap rakyat Palestin. Ini kerana penguasaan terhadap Palestin telah membolehkan mereka mengambil kesempatan untuk melakukan pengusiran terhadap rakyat Palestin. Malah semasa berlaku perperangan, ramai rakyat Palestin telahpun keluar berhijrah meninggalkan tanah air mereka. Hal ini disebabkan mereka takut dengan ancaman yang dilakukan oleh tentera Israel.

Keadaan yang sama turut berlaku di dalam perperangan pada tahun 1967 di mana perperangan ini telah menyebabkan lebih ramai rakyat Palestin menjadi diaspora kerana kejayaan Israel menguasai keseluruhan bumi Palestin. Terdapat juga bukti-bukti yang kukuh menunjukkan bahawa orang Palestin meninggalkan rumah dan tanahair akibat ugutan dan ancaman yang dibuat oleh tentera Israel menerusi telefon. Ugutan seperti ini sememangnya sering dilakukan oleh kumpulan Irgun dan Stern Gang<sup>45</sup> yang merupakan kumpulan pengganas Israel. Malah Orang-orang Yahudilah yang mula-mula menggunakan surat mengandungi bom dalam usaha menghapuskan rakyat Palestin.<sup>46</sup>

Walaupun masyarakat diaspora Palestin diletakkan di bawah UNRWA tetapi hidup di dalam keadaan yang menyediakan dengan serba kekurangan di khemah-khemah pelarian menggambarkan betapa beertinya sebuah negara. Malah sebahagian pelarian Palestin menolak penempatan semula di negara Arab kerana tidak yakin dengan status ekonomi negara tersebut untuk menyediakan tempat tinggal buat mereka selain menampakkan sifat putus asa mereka samada dari segi moral atau tuntutan hak menurut undang-undang. Penerimaan penempatan semula juga akan

memusnahkan harapan mereka untuk mendapatkan semula peradaban yang pernah menjadi milik mereka.<sup>47</sup> Ternyata harapan rakyat Palestin yang mengharapkan penguasaan Israel bersifat sementara tidak berlaku apabila mereka kekal menjadi pelarian.<sup>48</sup>

## **1.5 Kegagalan Palestin Mempertahankan Peradaban**

### **1.5.1 Penentangan Secara Kekerasan**

#### **1.5.1.1 Kumpulan Fundamentalis Islam**

Di dalam usaha mempertahankan tanah air, rakyat Palestin seperti juga bangsa-bangsa lain turut menentang pencerobohan terhadap hak mereka. Malah tentangan rakyat Palestin terhadap Yahudi telahpun ditunjukkan semenjak tahap awal kemasukannya lagi dan ia menjadi semakin serius apabila mereka menyedari adanya pakatan Zionis dan Inggeris melalui Mandat British yang cuba mengambil alih tanah Palestin. Walau bagaimanapun sehingga tahun 1930-an barulah muncul kesedaran di kalangan rakyat Palestin untuk melancarkan perjuangan bersenjata terhadap Zionis, mengusir British serta cuba mendapatkan perhatian terhadap masalah mereka.<sup>49</sup>

Kesedaran tentang bahaya peningkatan jumlah penduduk Yahudi dan pemilikan tanah mereka di Palestin merupakan salah satu sebab bermulanya perjuangan bersenjata terhadap Yahudi. Ia dilakukan bagi menghalang pembinaan negara Yahudi kerana pertambahan penduduk dan tanah adalah strategi yang diatur bagi Yahudi untuk membina negara mereka. Keadaan ini menyebabkan pencetus gerakan ini iaitu Syeikh ‘Izuddin al-Qasam seorang tokoh fundamentalis kelahiran

Syria telah meniupkan semangat jihad di kalangan rakyat Palestin dan menolak penyelesaian melalui politik serta menyifatkannya tidak efektif.<sup>50</sup>

Pemilihan jihad sebagai sumber perjuangan gerakan ini adalah kerana mereka kembali kepada prinsip perjuangan Islam yang melihat ia adalah satu kewajipan umat Islam untuk mempertahankan negara. Jihad membolehkan mereka melancarkan serangan ke atas penceroboh serta membebaskan negara daripada perampas.<sup>51</sup> Berjihad juga menyemai perasaan tidak menyerah kalah dan mati adalah untuk kepentingan agama dan tanah air. Malah kematian al-Qasam di dalam pertempuran dengan Yahudi turut memberi pengaruh yang besar kepada rakyat Palestin sebagai lambang pengorbanan diri dan mati syahid<sup>52</sup> Keadaan ini menyebabkan ramai rakyat Palestin menyertai pergerakan ini terutamanya golongan peladang yang sememangnya tidak berpuas hati dengan peningkatan jumlah Yahudi.

Sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat Palestin dengan menyertai aktiviti pemberontakan membuktikan gerakan ini amat berpengaruh. Malah rakyat Palestin turut terkesan dengan pemikiran serta pengaruh Ikhwanul Muslimin pimpinan Hasan al-Banna yang turut memberi sokongan dengan menghantar pengikutnya berjihad di bawah pemberontakan besar-besaran pada tahun 1936-1939 di bawah kelolaan Hajji Amin al-Husaini.<sup>53</sup> Sungguhpun perjuangan yang dilancarkan oleh golongan ini dapat dikalahkan oleh British tetapi ia telah membuka mata British untuk melihat suasana tegang yang berlaku di antara Yahudi dan rakyat Palestin yang memaksa mereka berbuat sesuatu dengan melancarkan rancangan pemisahan bagi Yahudi dan Palestin melalui Suruhanjaya Peel<sup>54</sup> walaupun ianya di bantah oleh kedua-dua belah pihak.<sup>55</sup>

Walaupun penentangan yang diberikan oleh kumpulan ini tidak menunjukkan sebarang kejayaan dengan kejatuhan negara Palestin keseluruhannya ke tangan Yahudi pada tahun 1967 namun penentangan oleh golongan fundamentalis Islam<sup>56</sup> tetap berterusan. Malah di dalam era moden ini ia diteruskan oleh kumpulan Jihad Islam yang ditubuhkan oleh Dr. Fathi Abd. ‘Aziz Shiqaqi dan Syeikh Abd. al-Aziz Awda pada tahun 1981. Ternyata pergerakan ini kemudiannya merupakan satu kesinambungan di dalam usaha mendapatkan kembali hak mereka .

#### **1.5.1.2 Kumpulan sekular**

Jika fundamentalis Islam kembali kepada perjuangan Islam bagi menghadapi Yahudi tetapi ia berlainan pula dengan kumpulan sekular yang tidak meletakkan prinsip agama di dalam perjuangan. Bagi mereka apa yang penting ialah pembebasan Palestin. Sungguhpun matlamat semua kumpulan di Palestin adalah untuk membebaskan Palestin namun ideologi yang berlainan menyebabkan konsep negara yang ingin ditubuhkan adalah berbeza. Keadaan ini telah menyebabkan timbulnya gerakan penentangan bercorak nasionalis , komunis atau berhaluan kiri di dalam menyalurkan aktiviti melawan Yahudi.

Serangan berbentuk keganasan masih dikekalkan oleh rakyat Palestin dan ketika ini Fatah yang beraliran nasionalis sekular serta PFLP yang berhaluan kiri mendominasi aktiviti keganasan. Keyakinan rakyat Palestin untuk melaksanakan pendekatan revolusi ini kerana dinspirasi daripada kejayaan perjuangan revolusi di Algeria, Cuba, Vietnam dan Komunis di China yang telah membangkitkan harapan buat mereka untuk berjaya di dalam menentang Israel.<sup>57</sup> Kesamaan perjuangan negara

tersebut dengan Palestin yang menentang kuasa imperialis telah memberikan rakyat Palestin semangat untuk terus berjuang menentang Yahudi. Atas sebab itulah mereka beranggapan hanya perjuangan bersenjata yang mampu untuk mengusir Yahudi. Tindakan melakukan keganasan adalah satu usaha berdikari mereka setelah kebergantungan kepada negara Arab gagal untuk membebaskan Palestin.<sup>58</sup>

Walaupun melakukan aktiviti keganasan seolah-olah melambangkan tidak adanya ketamadunan bangsa namun bagi rakyat Palestin itu adalah satu tindakbalas di dalam mempertahankan hak mereka. Malah secara rasionalnya apakah mereka hanya patut mendiamkan diri setelah tanah, harta mereka dan segala hak-hak mereka dinafikan. Pembunuhan beramai-ramai secara kejam yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap rakyat Palestin di khemah pelarian Sabra dan Shatila di selatan Beirut, Lubnan pada tahun 1982 misalnya sudah tentu membangkitkan pertempuran serta penentangan dengan tentera Israel. Serangan yang dilakukan adalah bertujuan untuk membalas keganasan tentera Israel tambahan pula rakyat Palestin merasa keseorangan dan terasing akibat sikap berdiam diri bangsa Arab serta kegagalan mereka di dalam menyelesaikan masalah Palestin.<sup>59</sup>

Usaha dan kesungguhan rakyat Palestin untuk mempertahankan ketamadunan dapat dilihat apabila mereka telah membawa serangan keganasan ke peringkat antarabangsa untuk menarik perhatian dunia mengenai masalah Palestin. Ketika ini isu serangan yang sebelum ini banyak dibuat di sempadan negara-negara Arab seperti yang dilakukan oleh Fatah di negara Syria dan Jordan telah diluaskan lagi sehingga melepassi Mediteranean.<sup>60</sup> PFLP merupakan di antara kumpulan yang membuat perubahan tersebut dengan melakukan siri-siri rampasan kapal terbang

diperingkat antarabangsa. Selain itu, Organisasi Black September (September Hitam) yang terdiri dari kumpulan Fatah dan PFLP juga turut berbuat demikian apabila menjalankan rancangan mereka di Munich, Jerman ketika berlangsung Sukan Olimpik pada tahun 1972. Kumpulan ini pada mulanya hanya menjadikan 11 orang atlit Israel sebagai tebusan bagi tuntutan pembebasan 242 orang rakyat Arab yang telah ditahan di penjara Israel. Bagaimanapun mereka bertindak membunuh tebusan tersebut apabila rundingan dengan Israel gagal dan berlaku pertempuran di kedua-dua belah pihak yang menyebabkan mereka sendiri turut terkorban.<sup>61</sup>

Hal ini menunjukkan keganasan yang dicetuskan oleh rakyat Palestin ketika ini telah bersifat global yang bertujuan mendapatkan sokongan antarabangsa terhadap masalah mereka. Ini seperti kata Habash iaitu pemimpin PFLP tindakan merampas kapal terbang adalah lebih efektif untuk menarik perhatian dunia daripada membunuh tentera-tentera Israel.<sup>62</sup> Walaupun tentera Israel melancarkan serangan balas terhadap rakyat Palestin namun ternyata keganasan yang dicetuskan oleh rakyat Palestin sebenarnya menakutkan mereka.

Pandangan dan perubahan masyarakat dunia di dalam memperkatakan isu Palestin semenjak serangan keganasan dicetuskan merupakan satu kejayaan bagi rakyat Palestin. Malah pengiktirafan PBB terhadap perjuangan bersenjata telah membina semula imej keyakinan rakyat Palestin di dalam perjuangan menentang Yahudi. Sungguhpun begitu rakyat Palestin gagal memanfaatkan sokongan antarabangsa disebabkan berlakunya perpecahan di dalam kumpulan yang menyebabkan perjuangan bersenjata diteruskan oleh beberapa kumpulan tertentu sahaja.

### 1.5.1.3 Pendekatan Perdamaian

Pergolakan politik di negara-negara Arab di samping tentangan yang diberikan terhadap PLO secara tidak langsung telah melemahkan operasi ketenteraan PLO. Keadaan ini telah membuatkan PLO mula mengambil jalan penyelesaian melalui rundingan di dalam usaha untuk membina semula peradaban bangsa mereka.

Pendekatan tolak ansur merupakan satu polisi PLO yang berbeza dengan sebelumnya tetapi ia telah ditonjolkan selepas PLO membuat perubahan politik bagi menghadapi Yahudi. Tindakan ini dibuat sebagai jaminan untuk pembebasan Palestin. Hasilnya PLO yang berada di bawah Arafat sebagai pengurus buat pertama kalinya telah mengisyiharkan perkongsian sebuah negara Palestin yang sekular dan demokratik dengan didiami oleh penduduk Muslim, Yahudi, dan Kristian serta mempunyai hak dan tanggung jawab yang sama di dalam negara Palestin melalui Piagam Kebangsaannya pada tahun 1969. Malah ia kekal menjadi matlamat utama PLO sehingga tahun 1974.<sup>63</sup> Idea negara sekular ini juga ditubuhkan bagi mengharapkan sokongan dan simpati daripada intelektual Yahudi, dan kumpulan anti zionis terhadap masa depan Palestin.<sup>64</sup>

Usaha-usaha perdamaian telah dilakukan oleh Yassier Arafat selaku Pengurus PLO untuk mengajak semua ahli PLO bersetuju dengan mengadakan pendekatan damai dan berpaling dari melakukan keganasan serta menyakinkan mereka bahawa tindakan keganasan akan menyebabkan mereka kehilangan sokongan serta simpati dunia terhadap perjuangan mereka.<sup>65</sup> Peraffhan polisi ini ternyata memberi

dimensi baru di dalam suasana politik Palestin kerana langkah pertama yang diambil itu telah membawa kepada sikap sederhana rakyat Palestin untuk menuju perdamaian.

Walaupun matlamat pembebasan Palestin masih menjadi agenda utama tetapi strategi dan taktik yang diambil ternyata memerlukan masa yang panjang. Hal ini telah menyebabkan sebahagian daripada kumpulan PLO tidak bersetuju dengan pendekatan tersebut seperti kumpulan PFLP yang bertindak keluar daripada PLO. Walau bagaimanapun pada tahun 1974, PLO kemudiannya bersetuju untuk menyokong pembentukan 2 buah negara di dalam Palestin. serta mengiktiraf Rancangan Brezhnev pada tahun 1983 yang menyokong kedaulatan dan keselamatan semua negara di wiliyah tersebut termasuk Israel.<sup>66</sup> Pengecilan tuntutan perjuangan PLO daripada semua kawasan Palestin dan hanya kepada kawasan yang diduduki ini menunjukkan betapa usaha rakyat Palestni yang sanggup mengorbankan tanah mereka asalkan mereka diberi sedikit ruang untuk menubuhkan negara Palestin.

Sungguhpun pada mulanya usaha PLO untuk berdamai seolah-olah diterima dan direstui dengan pengiktirafan yang diberikan oleh institusi antarabangsa terhadap PLO tetapi itu hanyalah sekadar di atas kertas. PBB yang meluluskan resolusi 3379 pada tahun 1975 yang mengcam Zionisme sebagai satu fahaman rasis serta mengakui hak rakyat Palestin terhadap negara mereka melalui resolusi 3236<sup>67</sup> tidak mampu berbuat apa-apa kerana Yahudi sebenarnya tidak menginginkan perdamaian. Sedangkan konsep perdamaian mestilah dipersetujui oleh dua belah pihak dan perkara ini tidak berlaku ke atas negara Palestin kerana sikap Yahudi yang enggan menyerahkan wilayah Gaza dan Tebing Barat kepada Palestin. Malah

kekalahannya Yahudi dalam perang 1973 menambahkan usaha mereka di dalam membina semula ketenteraan bagi menghalang pengulangan kekalahan tersebut.<sup>68</sup>

Kredibiliti PLO yang diiktiraf sebagai wakil Palestin semenjak ditubuhkan serta diakui lebih daripada 100 buah negara bukanlah sebagai jaminan kejayaan perdamaian sekiranya Israel tidak menginginkan perkara tersebut.

## 1.6 Kesimpulan

Ternyata bermulanya pertindihan tuntutan tanah Palestin di antara Yahudi dan rakyat Palestin kerana faktor sejarah dan agama yang saling kait mengait. Faktor ini telah menjadi pertikaian sehingga berdekad lamanya sekaligus menjadikan konflik Palestin dan Yahudi masih tidak ada penyelesaian. Sungguhpun kemenangan seolah-olah berpihak kepada Yahudi dengan tertubuhnya negara Israel melalui tindakan dan ideologi zionis namun rakyat Palestin masih tetap bersemangat di dalam mengadakan pelbagai bentuk perjuangan samada secara kekerasan atau perdamaian bagi mendapatkan semula hak mereka setelah ketamadunan yang dibina pada suatu masa dahulu telah musnah. Semangat nasionalisme yang berteraskan kecintaan kepada negara akhirnya menjadi salah satu pendorong yang kuat bagi rakyat Palestin untuk bangun menentang Yahudi.

## **Nota Hujung**

1. The New Encyclopaedia Britannica, *Micropaedia Ready Reference*, Volume 9, 15<sup>th</sup> ed., Encyclopaedia Britannica Inc. 2002, hlm. 81
2. Mohsen M. Saleh, *Isu Palestin, Latar Belakang dan Kronologi Perkembangan nya Sehingga Tahun 2000*, ter: Haji Ahmad Kamal Mohamed, Kuala Lumpur: Fajar Ulung, 2001, hlm.9
3. Melvin Ember and Carol R. Ember, *Countries and their Cultures*, Volume 3, USA: Mac Millan Reference, 2001, hlm.1711
4. Ibid.
5. Christopher Hollis and Ronald Browningg, *Holy Places,Jewish, Christian and Muslim Monuments in the Holy Land*, London:George Weidenfeld and Nicolson Ltd. 1969, hlm. 77
6. Yusuf al Qardhawi, *Palestina Masalah kita Bersama*, ter: Tim SAMAHTA, Bandung : Penerbit al Kautsar , 1999, hlm. 76-77
7. Mohsen M.Saleh, *Isu Palestin*, hlm. 20
8. Charles D. Smith, *Palestine and The Arab Israeli Conflict*, Bassingstoke: Mac Millan Education, 1988, hlm.11
9. Ibid., hlm. 24
10. Ibid., hlm. 11
11. Arthur Goldschmidt, *A Concise History Of The Middle East*, 5<sup>th</sup> ed, USA: Westview Press, 1996, hlm.131
12. Mose Sharon, *Palestine In The Islamic and Ottoman Period, The Palestintans, People, History, Politics*, USA: Academic American Association for Peace in the Middle East, 1975, hlm. 3
13. Henry Cattan, *The Palestine Question*, London: Saqi Books, 2000, hlm. 7
14. Alijah Gordon (e.d), *Rakyat Palestin Bersuara*, ter: Shamsiah Md. Said, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 276
15. S.Ettinger, "The Zionist Movement and the National Home Between the World Wars", H.H Ben-Sasson(e.d), *A History Of The Jewish People*, London:George Weidenfeld and Nicolson. Ltd, 1976, hlm. 990
16. Henry Cattan, *The Palestine Question*, hlm. 8
17. Wahba, *Arafat Hidup Matinya Untuk Palestin*, Kuala Lumpur: Progressive Products Suply, 1989, hlm. 40
18. Henry Cattan, *The Palestine Question*, hlm. 28

19. Mohsen M. Saleh, *Isu Palestin*, hlm. 19
20. Chaim Weizmann, “The Jewish People and Palestine”, Michael Curtis, Joseph Neyer, Chaim. I. Waxman, Allen Pollack (e.d), *The Palestinians, People, History ,Politics*. New Jersy American Academic Association For Peace, 1975, hlm. 47
21. David Mc Dowall, *Palestine and Israel , The Uprising and Beyond*, London: I.B Tauris & Co.Ltd, 1989, hlm.17
22. Howard M. Sachar, *The Course of Modern Jewish History*, Ohio: The World Publishing Company. 1958, hlm. 268
23. Emile A. Nakhleh, “Palestinians and Israelis: Options For Coexistence”, *Journal of Palestine Studies* XXII, No. 2, Winter 1993, hlm. 6
24. Y Harkabi, *Arab Attitudes To Israel*, ter: Misha Louvish , Vallentine : Mitchell & Co. Ltd, 1972,hlm.219
25. Nevill Barbour, *Nisi Dominus a Survey of The Palestine Controversy*, Beirut :The Institute For Palestine Studies, 1969, hlm.13
26. Ismail Abdul Rahman, *Konsep dan Kedudukan Bangsa Pilihan Menurut Agama Islam dan Agama Yahudi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 64
27. Imran N. Hosein, *Jerusalem In The Quran*, New York:Masjid Dar al – Quran, 2002, hlm. 64
28. Edward W. Said, “Projecting Jerusalem”, *Journal of Palestine Studies*, Vol. XXV. No. 1 Autumn 1995, hlm.9
29. Y Harkabi, *Arab Attitudes To Israel*, hlm. 134-135
30. Avi Shlaim , *The Iron Wall Israel and The Arab World*, USA: The Penguin Press, 2000,hlm. 2
31. *Search for Peace in the Middle East*, Philadelphia:The American Friends Service Committee, 1970, hlm. 9
32. John E. Hofman and Benjamin Beit-Hallahmi, “The Palestinian Identity and Israel’s Arab” , Gabriel Ben-Dor(e.d), *The Palestinians and The Middle East Conflict*, Israel: Turtledove Publishing, 1978, hlm. 217
33. Raja Shehadeh, “Occupier’s Law and the Uprising”, *Journal of Palestine*,Vol. XVII No. 3, Spring 1988, hlm. 25
34. Don Peretz , “Palestinian Social Stratification, The Political Implications”, Gabriel Ben Dor (e.d), *The Palestinian and The Middle East Conflit*, Israel: Turtledove Publishing, 1978, hlm. 411

35. Don Peretz, *Intifada The Palestinian Uprising*, USA : Westview Press,1990, hlm. 101
36. Rashid Khalidi, "The Palestinian People : Twenty -two Years After 1967", Zachary Lockman & Joel Beinin(e.d), *Intifada The Palestinian Uprising Against Israeli Occupation*, London: I.B Tauris , 1990, hlm. 118
37. David McDowall, *Palestine and Israel, The Uprising and Beyond*, hlm. 123
38. Ibid.
39. Robins, Edward Alan, *Pluralism In Israel: Relations Between Arabs And Jews*, Tulane :University Michigan , 1972,hlm.170
40. Edward W. Said, "Intifada and Independence", Zachary Lockman & Joel Beinin (e.d), *Intifada The Palestinian Uprising Against Israeli Occupation*, London: I.B Tauris , 1990, hlm.8
41. Simha Flapan, "The Palestinian Exodus of 1948", *Journal of Palestine*, Vol. XVI. No. 4, Summer 1987, hlm.4
42. Sharif Kanaana, *Patterns of Palestinian Exodus*, <<http://www.birzeit.edu/ourvoice/history/oct/kanan1098.html>>,(15.06.2003)
43. Simha Flapan, "The Palestinian Exodus of 1948", hlm. 3
44. Israel Shahak, "A History of The Concept of Transfer in Zionism" *Journal of Palestine*, Vol. XVII, No. 3, Spring 1989, hlm. 23
45. Merupakan di antara 2 kumpulan pengganas Zionis yang ditubuhkan pada awal abad ke-20 dengan bermatlamatkan penubuhan sebuah negara Israel. Dengan itu, modus operandi yang dijalankan oleh kedua-dua kumpulan ini ialah dengan melakukan pelbagai kekejaman terhadap penduduk Arab Palestin supaya mereka terhapus ataupun keluar dari bumi Palestin. Pembunuhan kejam beramai-ramai di Deir Yassin yang berlaku pada tahun 1948 adalah di dalangi oleh kumpulan ini. Ia juga pernah dipimpin oleh 2 orang Perdana Menteri Israel iaitu Menachem Begin mengetuai Irgun manakala Yitzhak Shamir merupakan pimpinan bagi kumpulan Stern.
46. Alan Hart, *Pengganas atau Pendamai*, ter: Yap Eng Moi, Kuala Lumpur: Golden Books Centre,1990, hlm. 40
47. George W. Robnett, *Conquest through Immigration, How Zionism Turned Palestine Into A Jewish State*, USA: Britons Publishing Company, 1968,hlm. 272
48. Janet Abu-Lughod, "The Continuing Expulsions From Palestine: 1948-1985", Glenn E. Perry (e.d), *Palestine Continuing Dispossession*, Belmont: Association of Arabs, American University , 1986 hlm. 32

49. William B. Quandt, Fuad Jabber, Ann Mosely Lesh, *The Politics Of Palestinian Nationalism*, LA: Universitiy Of California Press , 1973, hlm. 33
50. Philip Mattar, "The Mufti Of Jerusalem and the Politics of Palestine" , *Middle East Journal*, Vol. XLII, 1988,hlm. 235
51. Israel Gershoni , "The Muslim Brother and The Arab Revolt In Palestine", *Middle Eastern Studies*, London: Frank Cass & Co. volume 22, January, 1986, hlm. 369
52. A. W Kayyali, *Palestine A Modern History*, London: Croom Helm Ltd. tt hlm. 181
53. Israel Gershoni, "The Muslim Brother and The Arab Revolt", hal. 370
54. Suruhanjaya Peel ialah rancangan pembahagian pertama ke atas Palestin yang dilakukan oleh British melalui Lord Peel pada tahun 1937 setelah berlakunya kebangkitan Arab di Palestin. Menerusi rancangan ini, Palestin akan dibahagikan kepada tiga kawasan dengan sebahagiannya menjadi negara Arab, sebahagian yang lain menjadi negara Yahudi dan selebihnya berada di bawah penguasaan British.
55. Frank H. Epp *The Palestinians : Portrait Of A People In Conflict*, Toronto: Mc Clelland and Stewart Limited , 1976, hlm. 29
56. Adalah kumpulan Islam yang menolak pembaharuan di dalam agama. Mereka menggunakan kekerasan di dalam perjuangan selain menolak rundingan perdamaian dengan Yahudi. Bagi mereka Islam bukan setakat agama bahkan satu sistem yang menyeluruh di dalam politik, ekonomi dan sosial
57. Bard E . O'Neil, *Armed Stuggle In Palestine: A Political-Military Analysis*, USA :Westview Press, 1978, hlm. 8
58. Kemal Kirisci, *The PLO and World Politics, A Study of The Mobilization of Support for the Palestinian Cause*, London : Frances Publishers Ltd, 1986, hlm. 37
59. Don Peretz, *Intifada the Palestinian Uprising*, hlm.19
60. Zeev Schiff and Raphael Rothstein, *Fedayeen The Story Of Palestinian Guerillas*, London : Mitchell & Co.Ltd, 1972, hlm. 131
61. Wikipedia, *Munich Massacre*,<[http://en.wikipedia.org/wiki/Munich\\_massacre](http://en.wikipedia.org/wiki/Munich_massacre)>, ( 30 Mei 2004)

62. Dilip Hiro, *Sharing The Promised Land an Interwoven Tale of Israelis and Palestinians*, London : Hodder and Stoughton, 1996, hlm. 383
63. Muhammad Muslih, “Towards Coexistens: An analysis of the Resolutions of The Palestine Council”, *Journal of Palestine* , Vol. XIX No. 4 Summer 1990, hlm. 14
64. John K. Cooley, *Green March , Black September The Story of The Palestinian Arabs*, London: Frank Cass and Company Limited, 1973, hlm. 228
65. Alan Hart, *Pengganas atau Pendamai*, hlm. 43
66. Simha Flapan, “Israelis and Palestinians : Can They Make Peace”, *Journal of Palestine Studies* , Vol. XV, No. 1. Autumn 1985, hlm.22
67. Dilip Hiro, *Sharing The Promised Land*, hlm. 389
68. Simha Flapan, *Israelis and Palestinians*, hlm. 33